

EcoWorld jual tanah bernilai RM119j kepada Deye

PETALING JAYA: Eco World Development Group Berhad (EcoWorld Malaysia) memeterai perjanjian jual beli dengan Deye New Energy Technology (Malaysia) Sdn. Bhd. (Deye) untuk menjual 13.31 hektar tanah perindustrian pada harga RM119 juta di Eco Business Park II (EBP II) di Senai, Iskandar Malaysia.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif EcoWorld Malaysia, Liew Tian Xiong berkata, pemeteraian itu menunjukkan daya tarikan berterusan Taman Perniagaan Eko mereka kepada pemain industri China, terutamanya dalam sektor ekonomi baharu, teknologi tinggi dan pertumbuhan tinggi.

"Sebagai pengeluar terkemuka sistem fotovoltaiik solar yang komprehensif, kehadiran Deye



Keputusan Deye untuk membuat pelaburan yang begitu besar di Iskandar Malaysia juga menggambarkan kejayaan negeri dalam menarik nilai ditambah tinggi."

LIEW TIAN XIONG

di sini sejajar dengan matlamat kami untuk bekerjasama dengan syarikat yang memberi sumbangan positif untuk mengurangkan jejak karbon kolektif kami," katanya dalam kenyataan.

Deye adalah sebahagian daripada Ningbo Deye Technology Co., pengeluar *power inverters* China, yang telah mengumumkan rancangan untuk melabur sehingga AS\$150 juta (RM668 juta) dalam pangkalan pembuatan baharu bagi peralatan solar di Malaysia.

Ningbo Deye adalah satu daripada perusahaan teknologi tinggi China dan pemain utama dalam pasaran *inverter* solar global. Ia khusus untuk menyediakan penyelesaian sistem kuasa fotovoltaiik yang lengkap, termasuk penyelesaian loji kua-

sa kediaman dan komersial.

Tian Xiong berkata, keputusan Deye untuk membuat pelaburan yang begitu besar di Iskandar Malaysia juga menggambarkan kejayaan negeri dalam menarik nilai ditambah tinggi, pengilang maju dari segi teknologi untuk membina rantaian bekalan hijau negara.

Inverter solar Deye terkenal dengan kecekapan tinggi mereka, memastikan tenaga solar ditukar dengan berkesan, mengurangkan pembaziran tenaga.

Sehubungan itu, ia boleh memainkan peranan penting dalam menyokong usaha negara untuk beralih kepada penyelesaian yang lebih mampan, kos efektif dan cekap tenaga yang memberi manfaat kepada alam sekitar serta ekonomi secara

keseluruhan.

Tambahnya, Deye juga boleh meningkatkan profil Malaysia dalam ruang tenaga boleh diperbaharui kerana ia akan mengeluarkan kedua-dua *inverter* solar dan sistem penyimpanan tenaga di kemudahan baharunya di EBP II, yang melaluinya ia bertujuan untuk memenuhi pasaran Asia Tenggara.

"Memandangkan permintaan untuk sistem solar meningkat bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ini, pelaburan Deye akan membantu meningkatkan industri solar tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dalam pembuatan alat ganti dan peralatan sampingan, pemasangan, penyelenggaraan dan sektor lain yang berkaitan," ujarnya.